# PANDUAN MENGISI BORANG SECARA ON-LINE
# PERMOHONAN BIASISWA TAJAAN JPA DAN MARA
# UNTUK LEPASAN SPM 2009
# BAGI PROGRAM IJAZAH LUAR NEGARA TAHUN 2010

## Pengenalan

Panduan ini diwujudkan bagi membantu pelajar dan ibubapa/penjaga untuk mengisi borang secara *online*. Panduan ini akan menerangkan secara teratur atau langkah demi langkah, semua proses yang terlibat.

Proses-proses yang terlibat adalah sebagaimana yang dipaparkan/ditunjukkan di bawah:

## Langkah 1: Capaian ke Internet.

Anda perlulah terlebih dahulu mendapatkan komputer yang menyediakan capaian ke internet. Kemudian, sila taip alamat berikut untuk mendapatkan ataramuka/*interface* eSILA Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia di ruangan *address bar* : **esilav2.jpa.gov.my** kemudian sila tekan kekunci **[Enter]**.




*Gambaran 1: Capaian Ke Internet*

**Langkah 2: Muat turun dokumen-dokumen berkaitan.**

Dokumen-dokumen yang berkaitan dengan permohonan ini boleh anda dapati pada ruangan ketiga di sebelah kanan iaitu pada ruangan Muat Turun. Dokumen-dokumen ini adalah seperti:

1. Syarat-syarat Permohonan Program Biasiswa Ijazah Luar Negara
2. Borang Pengesahan Pendapatan Keluarga
3. Borang Pengesahan Kehadiran dan Penilaian Pendedahan Kerjaya Seorang Doktor
4. Senarai Hospital Pendedahan Kerjaya Seorang Doktor

Arahkan tetikus/*mouse* anda dan klik ke ruangan terbabit. Satu tetingkap baru akan terpapar pada skrin komputer anda yang memaparkan dokumen yang anda pilih.

Bagi syarat-syarat dan panduan mengisi borang adalah terpulang mengikut kesesuaian/keselesaan pengguna sama ada membacanya secara *online* atau dicetak.




*Gambaran 2: Muat turun dokumen berkaitan*

**Langkah 3 : Capaian ke ruangan Permohonan Biasiswa Program Ijazah Luar Negara Tahun 2010**

Setelah selesai langkah 1 dan 2, anda bolehlah memulakan proses permohonan dengan klik pada pautan Permohonan Biasiswa Program Ijazah Luar Negara Tahun 2010 pada ruangan Permohonan Atas Talian di bawah tajuk Latihan Sebelum Perkhidmatan (LSP).




*Gambaran 3 : Capaian ke ruangan permohonan*

**Langkah 4 : Capaian ke ruangan Menu Daftar Masuk Pengguna**

Anda akan mendapat skrin di bawah secara lalai/*default*.




*Gambaran 4 : Menu Daftar Masuk*

**Langkah 5: Mula Mendaftar Sebagai Pengguna Baru**

Pada peringkat ini, semua pelajar ataupun wakil bagi pelajar yang memohon tersebut, mengambil peringatan supaya;

1. memasukkan nombor MyKad yang betul bagi mengelakkan kesalahan nombor MyKad berlaku. Sekiranya timbul, pemohon dengan nombor MyKad yang sebenar (sekiranya ada) gagal mendaftarkan diri, dan
2. jika permohonan dibuat di *cyber cafe* atau seumpamanya ataupun permohonan dibuat untuk dua(2) orang atau lebih, menggunakan komputer yang sama, maka pemohon perlulah membuat proses *cache clearing*. Proses ini dibuat bagi mengelakkan berlakunya pertindihan di dalam simpanan sistem bagi data/maklumat para pelajar yang memohon.

Proses ini boleh dibuat sepertimana di bawah;

a. Sekiranya menggunakan pelayar *Internet Explorer*;

i. Pada *Menu Bar*, pilih *Tools*. - Klik pada *Internet Options*.

ii. Satu tetingkap baru akan terpapar. Sila ke ruangan *Temporary Internet Files* atau ke ruangan *Browsing History*,sila pilih/klik butang atau butang-butang *Delete* yang berkaitan.

b. Sekiranya menggunakan pelayar *Mozilla*;

i. Pada *Menu Bar*, pilih *Tools* – Klik pada *Clear Recent History*.

ii. Satu tetingkap baru akan terpapar. Sila pilih/klik butang *Clear Now*.

Sekiranya anda telah ambil maklum dengan langkah 1 dan 2 seperti di atas maka bolehlah anda teruskan proses permohonan ini.




*Gambaran 5: Mendaftar Sebagai Pengguna Baru*

Setelah anda melengkapkan semua ruangan tersebut, sila tekan/klik butang **[Hantar]**. Anda seterusnya akan mendapati satu tetingkap untuk memuat turun slip permohonan pendaftaran akan terbuka sebagaimana di bawah;




*Gambaran 6: Muat turun Slip Permohonan Katalaluan Online*

Kemudian, apabila anda mendapat paparan sebagaimana di bawah, sila klik **[disini]** untuk kembali ke Menu Daftar Masuk.




*Gambaran 7: Makluman Berjaya Mendaftar*

**Langkah 6: Proses Daftar Masuk Pengguna ke Borang Permohonan**

Sila masukkan;

1. Nombor MyKad di ruangan **Nombor Mykad**, dan
2. Katalaluan di ruangan **Katalaluan**.
3. Kemudian, klik butang **[Masuk]**.




*Gambaran 8: Menu Daftar Masuk*

Selepas itu, anda akan mendapat skrin sepertimana di bawah. Pada skrin ini, sila baca dengan teliti semua makluman dan keterangan. Apabila selesai, sila klik kekotak ***checkbox*** seperti di ruangan yang ditunjukan sebagai tanda pengakuan anda terhadap semua keterangan yang diberikan sebelum dapat mencapai borang permohonan.




*Gambaran 9 : Ruangan Pengakuan*

**Langkah 7: Contoh Kemasukan Borang Maklumat Profil Pemohon**




*Gambaran 10: Contoh Pengisian Borang Maklumat Profil Pemohon*

**Langkah 8: Teruskan proses permohonan untuk Borang Maklumat Keluarga Pemohon**

Apabila anda telah melengkapkan Borang Maklumat Profil Pemohon, anda akan mendapat skrin sepertimana di bawah ini. Pada peringkat ini, semua maklumat yang dimasukkan sebelum ini telahpun disimpan dan dihantar.

Anda mempunyai 2 pilihan iaitu meneruskan proses permohonan dengan menekan/klik butang [Seterusnya] atau dengan menekan/klik ikon bulat berwarna merah di sudut atas sebelah kanan, iaitu ikon [Daftar Keluar] jika anda merancang untuk membuat pengisian pada waktu lain.




*Gambaran 11: Makluman Pengisian Borang Maklumat Profil Pemohon telah berjaya*

**Langkah 9: Contoh Kemasukan Borang Maklumat Keluarga Pemohon**




*Gambaran 12: Contoh Pengisian Borang Maklumat Keluarga Pemohon*

**Langkah 10: Teruskan proses permohonan untuk Borang Maklumat Akademik Pemohon**

Apabila anda telah melengkapkan Borang Maklumat Keluarga Pemohon, anda akan mendapat skrin sepertimana di bawah ini. Pada peringkat ini, semua maklumat yang dimasukkan sebelum ini telahpun disimpan dan dihantar.

Anda mempunyai 2 pilihan iaitu meneruskan proses permohonan dengan menekan/klik butang [Seterusnya] atau dengan menekan/klik ikon bulat berwarna merah di sudut atas sebelah kanan, iaitu ikon [Daftar Keluar] jika anda merancang untuk membuat pengisian pada waktu lain.




*Gambaran 13: Makluman Pengisian Borang Maklumat Keluarga Pemohon telah berjaya*

## Langkah 11: Contoh Kemasukan Borang Maklumat Akademik Pemohon




*Gambaran 14: Contoh Pengisian Borang Maklumat Akademik Pemohon*

**Langkah 12: Teruskan proses permohonan untuk Borang Maklumat Akademik Pemohon**

Apabila anda telah melengkapkan Borang Maklumat Akademik Pemohon, anda akan mendapat skrin sepertimana di bawah ini. Pada peringkat ini, semua maklumat yang dimasukkan sebelum ini telahpun disimpan dan dihantar. **Anda cuma perlu memuat turun dokumen sepertimana di bawah ini yang merupakan slip permohonan untuk anda**. Sila simpan fail ini ke dalam komputer anda dan buat cetakkan sekiranya diperlukan kelak.




*Gambaran 15: Muat turun Slip Permohonan*

Sekiranya slip permohonan tidak terpapar sebagaimana di atas, sila klik pautan [sini] untuk memuat turun semula. Pada peringkat ini **semua borang permohonan telahpun dilengkapkan dan telahpun dihantar/diterima.**

Anda perlu menekan/klik ikon bulat berwarna merah di sudut atas sebelah kanan, iaitu ikon [Daftar Keluar] untuk menamatkan sesi permohonan ini.




*Gambaran 16: Makluman Pengisian Semua Borang Pemohon telah berjaya*

**Langkah 13: Semakan Permohonan**

Sekiranya anda mempunyai maklumat yang perlu dikemaskini atau anda ingin membuat sebarang pembetulan, sila layari semula laman web ini (**http://esilav2.jpa.gov.my**) kemudian klik semula ke pautan permohonan "**Permohonan Tajaan JPA Dan MARA Untuk Lepasan Sijil Pelajaran Malaysia 2009 Di Bawah Program Ijazah Luar Negara 2010**" di bawah tajuk Latihan Sebelum Perkhidmatan (LSP).

Seterusnya anda akan mendapat skrin di bawah secara lalai/*default*.Seterusnya, sila masukkan nombor MyKad anda dan juga katalaluan sebagaimana sebelum ini. **Perlu diingat bahawa anda tidak perlu lagi membuat pendaftaran yang baru untuk membuat sebarang proses semakan**.




*Gambaran 17 : Menu Daftar Masuk*

**Langkah 14: Buat pilihan untuk borang-borang yang perlu dikemaskini.**




*Gambaran 18: Contoh Pengisian Borang Maklumat Akademik Pemohon*

Setiap ikon di atas akan memberi anda peluang untuk sama ada membuat cetakan slip pendaftaran permohonan ataupun kemaskini borang-borang permohonan.

Setiapkali anda membuat pilihan, anda akan mendapat borang-borang yang sama sepertimana sebelum ini cuma bezanya pada setiap bahagian bawah borang, butang [Simpan Maklumat] telah diganti dengan 2 butang iaitu **[Kembali ke Menu Pengguna]** dan butang **[Kemaskini Maklumat]**.

Sila klik butang **[Kemaskini Maklumat]** setiap kali selesai membuat perubahan. Jika tiada sebarang perubahan, maka anda bolehlah klik butang **[Kembali Ke Menu Pengguna]**.

**PERINGATAN:**

1. **Setiapkali anda membuat perubahan terhadap ruangan <u>nama pemohon</u> pada Borang Maklumat Profil Pemohon atau ruangan <u>penaja atau fakulti/bidang</u> pada Borang Maklumat Akademik, anda wajib memuat turun semula slip permohonan.**
2. **Untuk setiap kali selesai proses kemaskini Borang Maklumat Akademik, sistem akan membuka dialog muat turun dokumen tersebut secara automatik.**
3. **Namun jika pada sesuatu keadaan, proses muat turun ini tidak berlaku secara automatik, maka anda bolehlah klik pada pautan yang disediakan, atau kembali ke Menu pengguna dan klik pada ikon Cetak Slip Permohonan.**

**Langkah 14 (i) : Skrin yang dipaparkan setiap kali selesai proses kemaskini maklumat pada Borang Maklumat Profil Pemohon atau Borang Maklumat Keluarga Pemohon**




*Gambaran 19: Makluman Kemaskini*
*Borang Maklumat Profil atau Borang Maklumat Keluarga Pemohon telah berjaya*

**Langkah 14 (ii) : Skrin yang dipaparkan setaip kali selesai proses kemaskini maklumat pada Borang Maklumat Akademik Pemohon**




*Gambaran 20: Makluman Kemaskini Borang Maklumat Profil Pemohon telah berjaya*

Sekiranya anda telah selesai mengemaskini Borang Maklumat Akademik, anda akan menerima paparan sepertimana di bawah;




*Gambaran 21: Muat turun semula Slip Permohonan*

---

***Nota:***

1. ***Sekiranya anda masih menghadapi sebarang masalah teknikal semasa proses mengisi semua borang permohonan, sila hubungi kami di talian 03-8885-3541 dari pukul 8.00 pagi sehingga 10.00 malam sepanjang tarikh permohonan ini dibuka.***

2. ***Dengan adanya panduan ini, diharap dapat membantu anda untuk melaksanakan proses pendaftaran permohonan ini dengan lebih sempurna. Semoga berjaya!***